SUHAIZAN KAIAT

lwn.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
RAUS SHARIF H
[SEMAKAN KEHAKIMAN NO: R1-25-60-2002]
13 DISEMBER 2005

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN: *Semakan kehakiman - Certiorari dan mandamus - Pembuangan kerja - Pensyarah universiti - Bergiat di dalam politik - Sama ada penamatan kerja teratur - Sama ada berperlembagaan - Sama ada kaedah tatatertib ultra vires - Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 s. 16C(4) - Perlembagaan Persekutuan perkara 8(1), 10(1)(c)*

Pemohon, seorang pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia ('UTM'), telah dibuang kerja kerana dikatakan terlibat dengan kegiatan politik dan melanggar terma dan syarat perlantikannya. Di pendengaran kesnya di hadapan Jawatankuasa Tatatertib, pemohon telah membangkitkan bantahan mengenai apa yang dikatakan sebagai kegagalan responden mematuhi Kaedah Tatatertib UTM 1979 ('Kaedah Tatatertib'). Bantahan telah ditolak. Berikutnya, pemohon enggan mengambil bahagian dalam perbicaraan tersebut dan seterusnya tidak merayu apabila hukuman buang kerja dikenakan ke atasnya. Pemohon kemudian memulakan tindakan untuk mendapat perintah *certiorari* dan *mandamus* bagi membatalkan hukuman dan mengarah responden untuk mengambilnya semula sebagai pensyarah. Di hadapan yang arif Hakim, pemohon membangkitkan isu, antara lain, bahawa: (i) responden gagal mematuhi k. 27(3) Kaedah Tatatertib apabila tidak mengadakan pendengaran dalam masa 30 hari selepas pemberitahuan; (ii) hukuman yang dikenakan tidak sepadan dengan kesalahan; (iii) responden lambat memaklumkan keputusan Jawatankuasa Tatatertib sekaligus menafikan haknya untuk merayu; (iv) Kaedah Tatatertib adalah *ultra vires* Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971; dan (v) Kaedah Tatatertib tidak berperlembagaan kerana melanggar perkara 8(1) dan 10(1) Perlembagaan Persekutuan.

Diputuskan (menolak permohonan):

[1] Kaedah 27(3) tidak mengkehendaki perbicaraan diadakan dalam tempoh 30 hari selepas pemberitahuan mengenai tindakan tatatertib. Malah, k. 27(3) sebenarnya mengkehendaki perbicaraan diadakan selepas satu bulan dari

tarikh disampaikan surat pemberitahu. Oleh itu, dengan mengadakan perbicaraan selepas 30 hari dari tarikh pemberitahun, kaedah ini tidak dilanggar oleh responden. (ms. 671 g-h)

[2] Pemohon telah diberikan peluang secukupnya untuk mengemukakan representasi kepada Jawatankuasa Tatatertib, serta membuat rayuan, tetapi tidak berbuat demikian. Oleh yang demikian, pemohon sekarang tidak boleh lagi membangkitkan isu hukuman yang telah dikenakan ke atasnya. Apapun, dalam kes seperti permohonan di sini, tiada keperluan di pihak mahkamah untuk meneliti merit hukuman. (ms. 672 c-d)

[3] Soal pemohon dinafikan hak merayu secara yang melanggar k. 37(1) Kaedah Tatatertib tidak timbul kerana pemohon tidak pernah membuat rayuan terhadap keputusan yang dikenakan. Kaedah Tatatertib juga adalah konsisten dengan peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Pemohon tidak boleh menafikan bahawa beliau telah diberikan peluang secukupnya untuk membuat representasi. (ms. 673 c-g)

[4] Soal pelanggaran per. 10(1)(c) dan 8(1) Perlembagaan Persekutuan tidak berbangkit. Semasa menerima tawaran daripada responden pemohon bersetuju untuk terikat dengan k. 20(2) Kaedah Tatatertib dan serta larangan-larangan yang dikenakan ke atasnya. Maka itu, setelah menerima tawaran tersebut, pemohon tidak boleh berselindung di sebalik per. 10(1)(c) dan 8(1) Perlembagaan untuk menjustifikasikan tindakannya memegang jawatan politik yang dilarang oleh responden. (ms. 674 e-h)

Kes-kes yang dirujuk:
Ng Hock Chang v. Pengurusan Am Penjara & Ors [1998] 1 CLJ 405 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 3(2)
Universities dan University Colleges Act 1971, s. 16C(4)

Sumber lain yang dirujuk:
Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Kakitangan) 1979, kk. 20(2)(d), 27(2), (3), 33(8), 37(1)

Bagi pihak pemohon - Mohamed Hanipa; T/n Mohamed Hanipa & Assoc
Bagi pihak responden - Azman Abdul Wahab; T/n Bhadarul Baharain & Partners

Dilaporkan oleh Rose Aziz

PENGHAKIMAN

Raus Sharif H:

Di dalam permohonan untuk semakan kehakiman ini pemohon memohon relif-relif berikut:

(i) Perintah *certiorari* untuk memindah ke Mahkamah Tinggi bertujuan membatalkan keputusan yang dibuat oleh responden pada 11 Mac 2002 yang memerintahkan bahawa pemohon dibuang kerja berkuatkuasa dari 22 April 2002;

(ii) Perintah *mandamus* untuk mengarahkan responden untuk menerima semula pemohon sebagai pensyarah Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat dan membayar segala tunggakan gaji, elaun, bonus, emolumen yang kena dibayar oleh responden kepada pemohon;

(iii) Deklarasi bahawa k. 20(2)(d) Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Kakitangan) 1979 bercanggah atau *ultra vires* Perkara 10(1)(c) dan Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan; dan

(iv) Kos.

Fakta kes yang membawa kepada pemohon membuat permohonan ini bolehlah diringkaskan seperti berikut.

Pemohon telah dilantik sebagai pensyarah Universiti Teknologi Malaysia ('responden') melalui surat tawaran bertarikh 23 Disember 1999. Pemohon diberi gaji permulaan sebanyak RM1,776 dan imbuhan tetap khidmat awam sebanyak RM170 sebulan dan imbuhan tetap perumahan RM700 sebulan.

Hubungan antara pemohon dengan responden tidak berkekalan. Bibit-bibit pertikaian bermula apabila responden melalui surat bertarikh 18 Oktober 2001 meminta pemohon memberi penjelasan mengenai aduan mengenai penglibatan pemohon dalam kegiatan politik. Surat tersebut berbunyi seperti berikut:

> **Penjelasan Terhadap Aduan Penglibatan Dalam Politik**
>
> Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.
>
> 2. Dimaklumkan bahawa pihak pengurusan Universiti Teknologi Malaysia ada menerima aduan tentang penglibatan saudara dalam kegiatan politik. Aduan mendakwa saudara merupakan AJK PAS Kawasan Gelang Patah, Dewan Pemuda PAS Johor.
>
> 3. Sehubungan dengan itu saudara dikehendaki memberi penjelasan terhadap aduan tersebut secara bertulis ke pejabat ini dan mengemukakannya tujuh (7) hari dari tarikh surat ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang menjalankan tugas,

t.t

NOORNAHAR HJ AKASHAH
Pegawai Undang-Undang
Unit Hal Ehwal Perundangan
UTM, Skudai

Pemohon telah memberi penjelasan melalui surat bertarikh 30 Oktober 2001. Surat tersebut berbunyi seperti berikut:

Penjelasan Terhadap Aduan Penglibatan Dalam Politik

Surat puan yang bertarikh 18 Oktober 2001 yang saya terima pada 23 Oktober 2001, nombor rujukan UTM(S) 01.35/23.11/1/5(6) adalah dirujuk.

2. Saya ingin memohon kemaafan daripada pihak puan kerana kelewatan menjawab surat ini disebabkan oleh kelewatan saya menerima surat daripada pihak puan.

3. Berkaitan dengan aduan penglibatan diri saya dalam politik sebagai AJK Pemuda PAS Kawasan Gelang Patah, sukacita dimaklumkan bahawa saya telah meletakkan jawatan sebagai AJK Pemuda PAS Kawasan Gelang Patah pada 8hb Jun 2001.

4. Penglibatan diri saya dalam politik pada masa yang lampau adalah kerana kecenderungan diri saya terhadap pembangunan masyarakat. Saya dididik dan terlibat dalam program hal ehwal kemasyarakatan sejak dari peringkat rendah lagi. Oleh itu isu-isu kemasyarakatan menjadi keutamaan dalam kehidupan saya. Natijah daripada itu saya telah terlibat secara aktif dalam program kemasyarakatan. Kepercayaan masyarakat terhadap penglibatan saya ini telah menyebabkan saya diamanahkan dalam usia yang muda sebagai Pengerusi Biro Pendidikan Surau Al-Ehsan, Jalan Perubatan 18, Taman Universiti dan sekarang saya sedang menjawat jawatan Setiausaha Jawatankuasa Pembinaan, Masjid Taman Universiti yang sedang dalam pembinaan. Berasaskan kepada kecenderungan serta pengalaman inilah maka rakan-rakan saya telah membawa saya ke dalam Dewan Pemuda PAS Gelang Patah. Walaupun saya terlibat dalam politik tetapi tempohnya adalah terlalu singkat. Saya banyak menumpukan kepada persoalan kemasyarakatan sepanjang penglibatan saya ini dan tidak pernah mengaitkan dengan nama baik Universiti Teknologi Malaysia. Atas kepentingan bahawa pengalaman dan penglibatan di universiti adalah penting untuk masyarakat pada masa hadapan maka saya telah melepaskan jawatan sebagai AJK Dewan Pemuda PAS Gelang Patah.

Akhirnya saya memohon kemaafan daripada pihak universiti atas apa yang telah berlaku dan saya berjanji untuk membantu universiti mencapai matlamatnya, insya-Allah. Semoga penjelasan ini boleh memenuhi hasrat surat puan yang tersebut di atas.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

Yang benar,

t.t.

SUHAIZAN KAIAT

Penjelasan pemohon di atas tidak melepaskan pemohon untuk tindakan selanjutnya. Melalui surat bertarikh 12 Disember 2001, responden telah sebelum tindakan tatatertib diambil, meminta pemohon untuk membuat pilihan sama ada untuk tertakluk di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Kakitangan) 1979 ("Kaedah Tatatertib UTM") atau pun di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

Pemohon telah memaklumkan responden bahawa beliau memilih untuk tertakluk kepada Kaedah Tatatertib UTM.

Pada 29 Disember 2001, pemohon telah diserahkan surat oleh responden yang mengandungi pertuduhan tatatertib dengan tujuan buang kerja. Surat tersebut berbunyi:

Pertuduhan Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja

Bahawa satu laporan telah diterima oleh Jawatankuasa Tatatertib A Universiti Teknologi Malaysia yang menyatakan bahawa tuan, Encik Suhaizan bin Kaiat, No. Kad Pengenalan A2393505, Pensyarah, Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat telah berkelakuan yang melanggar tatakelakuan yang membolehkan tindakan tatatertib boleh diambil ke atas tuan.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib A pada 27 Disember 2001 setelah meneliti dan menimbang segala maklumat yang diterima berpendapat tuan patut dikenakan tindakan tatatertib dengan dikenakan pertuduhan seperti berikut:

Pertuduhan

Bahawa tuan, Encik Suhaizan bin Kaiat, No. Kad Pengenalan A2393505, Pensyarah, Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat didapati telah melibatkan diri dalam politik secara aktif dengan memegang jawatan Ahli Jawatankuasa Pemuda PAS Kawasan Gelang Patah, Johor di antara tempoh tahun 1999 hingga Jun 2001.

Tuan dengan ini telah melanggar Kaedah 20(2)(d), Bahagian II di bawah Bab Tatatertib, Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Kakitangan) 1979, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang menetapkan sebagaimana berikut:

20(2) Kecuali sebagaimana di-peruntukkan dalam perenggan (5), seseorang kakitangan dalam Kategori A hendaklah bersikap membisu dalam perkara-perkara politik dan, khususnya ia tidak boleh:

(d) bertanding sebagai seseorang calon bagi atau, memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik.

3. Jika tuan didapati bersalah di atas pertuduhan tersebut, tuan boleh dihukum mengikut salah satu hukuman dalam Kaedah 33, Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Kakitangan), 1979.

4. Sejajar dengan Kaedah 27 Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Kakitangan), 1979 tuan diberi peluang untuk membuat representasi yang mengandungi alasan mengapa tindakan tatatertib untuk tujuan buang kerja tidak boleh diambil terhadap tuan. Representasi tersebut boleh dibuat sama ada secara lisan atau pun secara bertulis atau pun kedua-duanya. Sekiranya tuan ingin membuat representasi secara lisan, tuan boleh hadir di hadapan Jawatankuasa Tatatertib A pada tarikh dan masa yang akan diberitahu kelak. Sekiranya tuan ingin membuat representasi secara bertulis sahaja, tuan hendaklah mengemukakannya kepada Urusetia Jawatankuasa Tatatertib A melalui Ketua Jabatan tuan dalam tempoh 30 hari dari tarikh tuan menerima surat pertuduhan ini.

5. Sekiranya tuan tidak memberi apa-apa representasi atau tidak hadir dalam perbicaraan di hadapan Jawatankuasa Tatatertib A, tuan dianggap tidak berhajat hendak membela diri dan hukuman tatatertib akan diputuskan di atas keterangan yang sedia ada sahaja.

6. Dalam tempoh Jawatankuasa Tatertib A akan membuat keputusan tuan dengan ini ditahan kerja berkuatkuasa mulai 1 Januari 2002 iaitu mengikut peruntukan Kaedah 27(2) di bawah Kaedah yang sama. Dalam tempoh ditahan kerja, tuan akan dibayar tiga perempat (3/4) daripada jumlah emolumen bulanan tuan dan tidak dibenarkan melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab sebagai staf akademik Universiti. Tuan juga tidak dibenarkan memasuki mana-mana ruangan/kawasan Universiti Teknologi Malaysia kecuali dengan kebenaran pihak keselamatan Universiti.

Sila akui penerimaan surat ini dengan menggunakan borang akuan penerimaan surat seperti di Lampiran A.

Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,

t.t.

KASIRAN BIN SAMAN
b.p. Jawatankuasa Tatatertib A
Universiti Teknologi Malaysia
Skudai, Johor

Pemohon, melalui surat bertarikh 25 Januari 2002 telah memberitahu responden bahawa beliau ingin membuat representasi secara lisan dan bertulis terhadap pertuduhan yang dikenakan terhadapnya.

Responden melalui surat bertarikh 4 Februari 2002 telah memaklumkan pemohon supaya membuat representasi secara bertulis dalam tempoh 10 hari kepada pihak Jawatankuasa Tatatertib A Universiti Teknologi Malaysia. Melalui surat yang sama pemohon telah dimaklumkan bahawa untuk tujuan representasi secara lisan, pemohon akan diberitahu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Seterusnya melalui surat bertarikh 1 Mac 2002 responden telah memaklumkan kepada pemohon bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib A (Eksekutif) Bil. 4/2002 akan diadakan pada 11 Mac 2002 di Bilik Mesyuarat Canselori 1, UTM Jalan Semarak, Kuala Lumpur dan meminta pemohon hadir dan juga memaklumkan bahawa pemohon boleh membawa saksi-saksi untuk tujuan mengemukakan pembelaan.

Pemohon telah hadir di mesyuarat 11 Mac 2002 dengan ditemani oleh peguamcaranya iaitu Encik Mohamed Hanipa bin Maidin daripada Tetuan Mohamed Hanipa & Associates.

Di permulaan perbicaraan, peguamcara pemohon telah membangkitkan bantahan awal terhadap kesahihan perbicaraan tatatertib tersebut atas alasan-alasan antara lain seperti berikut:

(a) Pihak responden telah gagal mematuhi k. 27(3) Kaedah Tatatertib UTM 1979 kerana surat responden kepada pemohon bertarikh 29 Desember 2001, yang diserahkan kepada pemohon pada tarikh yang sama, telah gagal menyatakan tarikh untuk pemohon menghadirkan diri di hadapan Pihak Berkuasa Tatatertib yang perlu ditetapkan tidak kurang daripada 30 hari daripada tarikh diserahkan surat tersebut.

(b) Pihak Berkuasa Tatatertib sepatutnya menetapkan tarikh untuk menghadirkan diri di hadapan Pihak Berkuasa Tatatertib sebelum atau pada 28 Januari 2002.

(c) Tarikh perbicaraan tatatertib yang ditetapkan oleh responden adalah lebih daripada 30 hari iaitu secara tepatnya 71 hari.

(d) Pemohon sebagai pihak yang dikenakan tindakan tatatertib mempunyai jangkaan yang sah (legitimate expectation) untuk mengharapkan pihak responden mematuhi peruntukan di bawah Kaedah Tatatertib UTM.

Jawatankuasa Tatatertib tersebut telah menolak bantahan awal pemohon. Dengan penolakan itu, pemohon mengambil pendirian untuk tidak mengambil bahagian lagi dalam perbicaraan tersebut.

Pada 12 April 2002, pemohon telah diserahkan surat yang bertarikh 27 Mac 2002 di mana responden telah memaklumkan kepada pemohon bahawa perbicaraan tatatertib yang diadakan pada 11 Mac 2002 telah memutuskan bahawa pemohon didapati bersalah dan dikenakan hukuman buang kerja menurut k. 33(8) Kaedah Tatatertib UTM. Melalui surat yang sama pemohon telah diberitahu akan haknya untuk merayu dan jika bercadang berbuat demikian supaya mengemukakan notis rayuan dalam tempoh 10 hari dari tarikh surat tersebut diserahkan kepada pemohon.

Pemohon tidak mengemukakan notis rayuan. Dengan itu responden melalui surat bertarikh 3 Mei 2002 telah memaklumkan bahawa hukuman buang kerja ke atas pemohon berkuatkuasa mulai 22 April 2002.

Pemohon dengan ini mempertikaikan keseluruhan tindakan responden tersebut dan mendakwa bahawa hukuman buang kerja ke atasnya oleh responden adalah suatu hukuman yang tidak sah, terbatal dan tidak mempunyai apa-apa kesan. Di dalam permohonannya pemohon telah mengemukakan beberapa alasan seperti yang dinyatakan di dalam pernyataan di bawah A. 3(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Walau bagaimanapun semasa perbicaraan, peguam pemohon telah merumuskan dan menumpukan hujahan kepada alasan-alasan berikut:

(i) Kegagalan responden mematuhi k. 27 Kaedah Tatatertib UTM;

(ii) Hukuman tidak sepadan dengan kesalahan;

(iii) Kegagalan responden mematuhi k. 37(1) Kaedah Tatatertib UTM;

(iv) Kaedah Tatatertib UTM adalah *ultra vires* kepada s. 16C(4) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30);

(v) Kaedah 20(2)(d) Kaedah Tatatertib UTM adalah bertentangan dengan Perkara 10(i)(c) dan Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan; dan

(vi) Jawatankuasa tatatertib yang membicarakan pemohon tidak mempunyai bidangkuasa.

Berikut adalah keputusan saya ke atas isu-isu yang telah dibangkitkan oleh pemohon.

(i) Kegagalan responden mematuhi kaedah 27 Kaedah Tatatertib UTM 1979.

Mengenai isu ini persoalan yang dibangkitkan oleh pemohon dikhususkan kepada k. 27(3) Kaedah Tatatertib UTM yang memperuntukkan:

> (3) Selepas Pihak Berkuasa Tatatertib mengambil suatu keputusan di bawah perenggan (2), ia hendaklah memaklumkan kakitangan itu secara bertulis akan fakta-fakta perlanggaran tatatertib yang dikatakan terhadapnya itu dan memberinya peluang untuk hadir di hadapannya pada tarikh dan di tempat yang dinyatakannya, yang mana, walau bagaimanapun, tidak kurang dari satu bulan dari tarikh disampaikan kepada kakitangan itu akan maklumat perlanggaran tatatertib yang disebut di atas.

Pemohon berhujah bahawa surat bertarikh 29 Disember 2001 yang diserahkan oleh responden kepada pemohon telah gagal menyatakan di dalamnya tarikh dan tempat untuk pemohon hadir di hadapan Jawatankuasa Tatatertib, di mana tarikh tersebut mestilah tidak kurang dari satu bulan daripada tarikh surat tersebut disampaikan. Menurut pemohon seperti dikehendaki oleh k. 27(3) Jawatankuasa Tatatertib sepatutnya menetapkan tarikh untuk pemohon menghadirkan diri di hadapan jawatankuasa tersebut adalah sebelum atau pada 28 Januari 2002. Tetapi tarikh perbicaraan tatatertib telah ditetapkan pada 11 Mac 2002 dan dengan itu melebihi 30 hari. Dengan itu pemohon berhujah bahawa k. 27(3) telah dilanggari dan mengakibatkan tindakan tatatertib terhadap defendan adalah tidak sah dan terbatal.

Responden mempertikaikan pentafsiran k. 27(3) seperti yang dibuat oleh pemohon. Menurut responden, k. 27(3) tidak menghendaki perbicaraan diadakan dalam tempoh 30 hari selepas pemberitahuan mengenai tindakan tatatertib disampaikan kepada pemohon.

Saya bersetuju dengan responden dalam isu ini. Pada saya k. 27(3) sebenarnya menghendaki perbicaraan diadakan selepas satu bulan dari tarikh disampaikan surat memberitahu akan maklumat perlanggaran tatatertib tersebut. Tafsiran bahawa ia patut diadakan dalam tempoh 30 hari seperti yang dihujahkan oleh pemohon adalah tidak tepat dan tidak boleh diterima. Pada pandangan saya tempoh melebihi satu bulan dan bukan dalam satu bulan diperuntukkan atas alasan untuk membolehkan seseorang yang diambil tindakan untuk membuat persediaan terhadap tindakan yang hendak diambil terhadapnya. Adalah amat tidak munasabah jika pembicaraan itu mesti dilakukan dalam tempoh satu bulan. Dengan tafsiran sedemikian maka k. 27(3) Kaedah Tatatertib UTM adalah tidak dilanggari oleh responden.

(ii) Hukuman yang tidak sepadan dengan tuduhan kesalahan.

a Pemohon berhujah bahawa hukuman yang dikenakan ke atas pemohon adalah hukuman yang tidak sepadan dengan kesalahan yang dilakukan. Menurut pemohon hukuman terhadapnya adalah amat keras dan tidak munasabah. Menurut pemohon lagi bahawa Jawatankuasa Tatatertib telah gagal menimbangkan sewajarnya permohonan kemaafan yang dibuat oleh pemohon.

b Responden mengambil pendirian bahawa pemohon telah mengenepikan haknya untuk mempertikai hukuman yang telah dikenakan terhadapnya.

Sekali lagi saya bersetuju dengan responden. Di dalam kes ini pemohon sedia maklum bahawa tindakan terhadapnya membawa kepada hukuman buang kerja. *c* Pemohon telah diberi peluang secukup dan sewajarnya dengan tempoh yang mencukupi untuk mengemukakan representasi bertulisnya dan mengemukakan representasi secara lisan di hari perbicaraan. Tetapi di hari perbicaraan, pemohon mengambil pendirian untuk tidak mengambil bahagian lagi dalam perbicaraan itu selepas bantahan awal yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Tatatertib ditolak. Kemudiannya apabila pemohon diberitahu akan hukuman yang *d* dikenakan terhadapnya dan akan haknya untuk membuat rayuan, pemohon bertindak untuk membisu. Pemohon tidak mengemukakan rayuan. Jadi, pada saya pemohon sekarang ini tidak boleh membangkitkan lagi isu hukuman yang telah dikenakan ke atasnya.

e Tambahan pula di dalam kes seperti ini tidak ada keperluan di pihak mahkamah ini untuk meneliti kepada merit hukuman yang dikenakan terhadap pemohon. Prosiding di mahkamah ini bukanlah prosiding rayuan. Ini adalah prosiding semakan kehakiman. Jadi tugas mahkamah di dalam kes-kes seperti ini hanyalah untuk memastikan pihak yang bertanggungjawab telah mematuhi prosedur yang *f* betul sebelum hukuman dijatuhkan, bukan untuk meneliti kesaksamaan hukuman yang dikenakan.

Di dalam kes *Ng Hock Chang v. Pengarah Am Penjara & Ors* [1998] 1 CLJ 405), Mahkamah Persekutuan telah memutuskan:

g

> It cannot be denied further that the disciplinary of a public officer by his department head is part of the function of the executive branch of the government and any usurpation by a court will be viewed with something very much more than disfavour even though the judiciary is the judicial branch of the government as well as an institution which belongs to the people. To repeat, a court intervenes only on the nature and manner of accusation against a public officer as distinct *h* from a consequential punishment as explained above.

Jelas dari kes di atas bahawa mahkamah akan mencelah hanya atas sifat dan cara tuduhan terhadap seseorang yang diambil tindakan disiplin dan bukannya atas hukuman yang diakibatkan.

i

(iii) Hak merayu diluputkan dan dengan itu *ultra vires* k. 37(1) Kaedah Tatatertib UTM.

Asas hujahan pemohon mengenai isu ini ialah kegagalan responden mematuhi k. 37(1) Kaedah Tatatertib UTM apabila responden dikatakan telah meluputkan hak pemohon untuk membuat rayuan dalam tempoh 10 hari daripada tarikh keputusan diberikan. Menurut pemohon keputusan diberikan oleh responden pada 11 Mac 2002 tetapi hanya dimaklumkan kepadanya pada 12 April 2002 iaitu selepas 31 hari daripada tarikh keputusan diberikan. Jadi menurut pemohon hak merayu dalam tempoh 10 hari telah luput apabila beliau menerima surat tersebut.

Pada saya isu yang dibangkitkan oleh pemohon adalah remeh. Soal pemohon dinafikan atau dilupuskan hak untuk merayu tidak timbul, kerana pemohon tidak pernah membuat rayuan terhadap keputusan yang dikenakan terhadapnya. Atas fakta kes ini k. 37(1) tidak terpakai dan dengan itu soal ketidakpatuhan oleh responden ke atas kaedah tersebut tidak timbul langsung.

(iv) Kaedah Tatatertib UTM adalah *ultra vires* Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Pemohon berhujah bahawa Kaedah Tatatertib UTM adalah *ultra vires* s. 16C(4) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 kerana ia telah gagal menetapkan prosedur bagi prosiding disiplin dan peluang membuat representasi oleh seseorang seperti pemohon setelah keputusan dicapai oleh pihak berkuasa disiplin. Menurut pemohon Kaedah Tatatertib UTM yang lahir dari Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 adalah tidak konsisten dengan Akta tersebut. Dengan itu menjadikan, menurut pemohon, Kaedah Tatatertib UTM itu *ultra vires.*

Dengan hormatnya saya tidak dapat bersetuju dengan pemohon. Pada saya hujahan tersebut tidak berasas sama sekali. Jika diteliti akan didapati bahawa Kaedah Tatatertib UTM adalah konsisten dengan peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Atas fakta kes ini pemohon tidak boleh menafikan bahawa beliau sebenarnya telah diberi peluang secukupnya untuk membuat representasi. Jadi dakwaan pemohon bahawa beliau telah disekat daripada membuat representasi adalah tidak berasas sama sekali.

(v) Kaedah 20(2) Kaedah Tatatertib UTM bertentangan dengan Perkara 10(1)(c) dan Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan.

Kaedah 20(2) Kaedah Tatatertib UTM memperuntukkan seperti berikut:

> 20(2) Kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam perenggan 5, seseorang kakitangan dalam Kategori A hendaklah bersikap membisu dalam perkara-perkara politik dan, khususnya ia tidak boleh:
>
> (d) bertanding sebagai seseorang calon bagi atau, memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik.

Hujahan pemohon ialah bahawa penglibatannya sebagai Ahli Jawatankuasa Pemuda PAS Kawasan Gelang Patah, Johor adalah haknya untuk berpersatuan seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan yang menyebut:

> (c) semua warganegara berhak untuk membentuk persatuan.

Pemohon juga membangkitkan bahawa k. 20(2)(d) Kaedah Tatatertib UTM itu, yang melarang pegawai di Kategori A daripada bergiat dalam politik, adalah satu diskriminasi dan bercanggah dengan Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa "semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang".

Pada saya soal perlanggaran Perkara 10(1)(c) mahu pun 8(1) Perlembagaan Persekutuan tidak timbul di dalam kes ini. Fakta kes ini menunjukkan bahawa semasa pemohon menerima tawaran daripada responden beliau telah bersetuju untuk terikat dengan k. 20(2) Kaedah Tatatertib UTM. Di dalam surat tawaran jawatan bertarikh 29 September 1999 yang ditandatangani oleh pemohon tanpa sebarang bantahan menyatakan:

> Tuan/Puan setiap masa adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia, Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Kakitangan) 1979, Status, Akta, Peraturan, Pekeliling dan lain-lain peraturan yang berkuatkuasa di Universiti Teknologi Malaysia.

Pada saya pemohon setelah menerima tawaran tersebut, tidak boleh sekarang berselindung kepada Perkara 10(1)(c) atau Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan, untuk menjustifikasikan tindakannya untuk memegang jawatan politik yang dilarang oleh responden. Soal diskriminasi tidak timbul langsung kerana larangan itu tidak terhad kepada pemohon sahaja, tetapi terpakai kepada semua kakitangan kategori A yang berkhidmat dengan responden.

(vi) Jawatankuasa Tatatertib yang membicarakan pemohon tidak mempunyai bidang kuasa.

Menurut pemohon jawatankuasa yang membicaranya adalah "jawatankuasa pengurusan dan profesional bukan dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat". Pemohon merujuk kepada surat responden bertarikh 12 Disember 2001 di mana di surat yang ditandatangani oleh En. Kasiran bin Saman yang merujuk kepada jawatankuasa "bukan untuk tujuan buang kerja".

Tetapi persoalan ini telah dijelaskan oleh responden melalui afidavit jawapan responden bahawa surat bertarikh 12 Disember hanyalah surat untuk memaklumkan kepada pemohon mengenai pemakaian peraturan bagi tindakan tatatertib. Menurut responden jawatankuasa yang membicarakan kes pemohon adalah Jawatankuasa Tatatertib A (Eksekutif) seperti yang dinyatakan di dalam surat responden bertarikh 1 Mac 2002 dan 27 Mac 2002. Jadi soal jawatankuasa tatatertib yang membicarakan pemohon tidak mempunyai budi bicara tidak timbul langsung.

Kesimpulannya, saya dapati hukuman buang kerja yang dikenakan ke atas pemohon adalah sah dan mengikut peruntukan undang-undang. Pada saya tidak wujud kecacatan atau kecuaian oleh responden dalam mengendalikan tindakan tatatertib terhadap pemohon. Hukuman yang dikenakan terhadap pemohon adalah akibat perbuatan dan kecuaian pemohon sendiri yang gagal mematuhi peruntukan undang-undang yang terikat ke atasnya sebagai kakitangan responden. Dengan itu permohonan pemohon adalah ditolak dengan kos.